NO. SOALAN: 123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**
		[BUKIT BENDERA]
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

Puan Syerleena Binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula lesen kenderaan motor (cukai jalan) lama yang masih digunapakai tetapi dalam keadaan baik contohnya kenderaan 2000 cc keatas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkiraan kadar fi lesen kenderaan motor LKM pada masa ini adalah ditentukan dengan mengambil kira pemboleh ubah seperti kapasiti enjin, jenis bahan bakar, jenis/ kod badan kenderaan, jenis pemilikan, jenis kegunaan dan mengikut kawasan pengisytiharan kenderaan tersebut akan digunakan.

2. Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) secara berterusan melaksanakan pengkajian semula ke atas kaedah perkiraan sedia ada bagi memastikan ianya sentiasa relevan berdasarkan kepada keperluan dan dasar semasa.

Sekian, terima kasih.